

1  
1  
0  
3  
1

SULIT  
1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Ogos  
2019

1103/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

2 $\frac{1}{4}$  jam

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2019**

---

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada manfaat Hari Sukan Negara kepada pelajar.

Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat Hari Sukan Negara kepada pelajar.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**MANFAAT- MANFAAT HARI SUKAN NEGARA KEPADA PELAJAR**

**Sabtu,  
13 Oktober  
2019**

**HARI  
SUKAN  
NEGARA**

**Aktiviti**

Kayuhan  
sihat

Bengkel  
Sukan

Pekarangan Bangunan  
Sultan Abdul Samad

Semua  
dijemput hadir

- Mengamalkan budaya hidup sihat
- Memupuk minat bersukan
- Mengeratkan hubungan

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Minggu Kerjaya yang dianjurkan oleh pihak sekolah bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada peluang-peluang kerjaya, persediaan sendiri dan kursus-kursus yang ditawarkan selepas tamat persekolahan.

Bincangkan.

- 2 Budaya makan bersama-sama ahli keluarga semakin kurang diamalkan pada hari ini.

Jelaskan punca-punca tersebut.

- 3 Sempena Bulan Membaca Kebangsaan, anda sebagai Ketua Pengawas Pusat Sumber Sekolah telah diminta untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030'.

Tulis ceramah itu selengkapnya.

- 4 Hutan banyak memberikan sumbangan dalam kehidupan manusia sejagat.

Berikan komen anda.

- 5 *Buah rambai dalam padi,  
Lazat cita pada rasanya;  
Pandai sungguh mengambil hati,  
Serta dengan budi bahasanya.*

Bait pantun di atas menjelaskan masyarakat yang berbudi bahasa.

Huraikan langkah-langkah yang wajar dilakukan bagi melahirkan masyarakat berbudi bahasa.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**